

TOPIK 3.3: PANDANG DARAT FIZIKAL DAN PANDANG DARAT BUDAYA

1. Pengenalan


- **Simbol peta** terdiri daripada simbol yang mewakili simbol **pandang darat fizikal** dan **pandang darat budaya**.
- Jenis-jenis simbol pula terdiri daripada **simbol titik**, **simbol garisan**, **simbol kawasan** dan **singkatan perkataan**.

2. Pandang Darat Fizikal

- **Pandang darat fizikal** bermaksud semua ciri yang terdapat di atas permukaan bumi yang **terbentuk secara semula jadi** atau dikenali sebagai **ciri-ciri semula jadi**.
- **Simbol peta** yang mewakili **pandang darat fizikal** terdiri daripada **simbol garisan**, **simbol titik**, **simbol kawasan** dan juga **singkatan perkataan**.
- **Ciri-ciri semula jadi** terdiri daripada simbol yang mewakili ciri-ciri **bentuk muka bumi**, **saliran** dan **tumbuh-tumbuhan semula jadi**.

3. Pandang Darat Budaya

- **Pandang darat budaya** merupakan **ciri-ciri buatan manusia**.
- Ciri ini juga termasuklah **semua ciri semula jadi** yang **mengalami perubahan** akibat daripada **tindakan aktiviti manusia**.
- **Simbol peta** yang mewakili **pandang darat budaya** terdiri daripada **simbol garisan**, **simbol titik**, **simbol kawasan** dan juga **singkatan perkataan**.
- **Ciri-ciri budaya** terdiri daripada simbol yang mewakili ciri-ciri **buatan manusia** seperti **petempatan**, **pengangkutan** dan **kegiatan ekonomi** termasuk **pertanian**.



Rajah : Pandang darat fizikal dan pandang darat budaya.